

CUKAI KOPERASI



PENGENALAN

- Cukai koperasi dikenakan atas pertubuhan / badan berikut yang bermastautin dan memperoleh pendapatan di Malaysia :
 - a) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502);
 - b) Pertubuhan Peladang yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1967;
 - c) Pertubuhan Peladang yang berdaftar di bawah Akta Organisasi Peladang 1973; dan
 - d) Pertubuhan Nelayan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Nelayan 1971
- Layanan cukai koperasi tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

TANGGUNGJAWAB KOPERASI

Hantar anggaran cukai secara **e-Filing** (e-CP204) atau borang kertas (CP204) ke Pusat Pemrosesan LHDNM secara manual

PERKARA	KOPERASI BAHARU	KOPERASI SEDIA ADA	BORANG
Hantar Anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula Bayar	Bulan ke-6 tempoh asas	Bulan ke-2 tempoh asas	CP207
Tarikh Bayaran	Sebelum / pada 15 hari bulan		CP207
Pinda Anggaran	Bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas		CP204A

Koperasi dormant tidak perlu hantar CP204

- Hantar Borang C1 ke Pusat Pemrosesan LHDNM (termasuk koperasi dormant)
- Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207 sebelum / pada hari terakhir pengemukaan Borang C1 (7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan)
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM

KESALAHAN

- Kegagalan mematuhi tanggungjawab akan mengakibatkan koperasi tertakluk kepada :

KESALAHAN JENAYAH

Kegagalan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan paku) di Borang Nyata Cukai Pendapatan

Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan

KESALAHAN SIVIL

PENGECUALIAN CUKAI KOPERASI

- Bagi tempoh 5 tahun pertama mulai dari tarikh pendaftaran koperasi tersebut ; dan
- Selepas 5 tahun tamat, jika kumpulan wang ahli **kurang daripada RM 750,000**

ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

- Pengerusi koperasi
- Setiausaha koperasi
- Bendahari koperasi
- Orang yang menjalankan mana-mana fungsi di atas

KADAR CUKAI KOPERASI

PENDAPATAN BERCUKAI (RM)	TAHUN TAKSIRAN	
	2014	2015
1 - 30,000	0 %	0 %
30,001 - 60,000	5 %	1 %
60,001 - 100,000	10 %	5 %
100,001 - 150,000	15 %	15 %
150,001 - 250,000	20 %	18 %
250,001 - 500,000	22 %	21 %
500,001 - 750,000	24 %	23 %
MELEBIH 750,001	25 %	24 %

CUKAI KOPERASI